


PEMBACAAN
... Bacaan terhadap karya besar dunia mampu meningkatkan IQ intelektual ke arah optimum.



Membaca kitab mampu singkatkan masa seseorang dalam penerokaan ilmu

NST 13.9.2018 13

MEMILIKI minda yang tajam adalah satu yang sangat diidamkan oleh setiap insan di dunia ini. Allah telah menganugerahkan organ otak seseorang insan dengan tahap pemikiran yang optimum dan kemahiran yang tinggi melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Antara pembelajaran yang begitu berkesan adalah melalui pembacaan dan kajian mendalam terhadap kitab untuk mencapai tahap kreativiti yang tinggi dan inovasi yang prolifik.

Minda merupakan medan ilmu dan informasi untuk memanfaatkan segala sumber yang ada untuk pembentukan tamadun yang tinggi. Aspek pembacaan secara ilmiah terhadap karya besar ini telah dikongsikan oleh ustaz Abdul Rahman Tajudin atau lebih dikenali sebagai ustaz Emang dalam wawancara Eksklusif ini.


Beliau merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan KPM, Felo penyelidik Concave-Issi Islamic & Strategic Studies Institute, mantan pensyarah Bahasa Arab FPL, UMS Universiti Malaysia Sabah serta mantan tutor OUM (Open Universiti Malaysia)

Menurut beliau, membaca adalah aspek yang tersangat penting kepada manusia. Melalui pembacaan, kita pasti akan dapat informasi, maklumat, ilmu dan kemahiran daripada sebuah buku. Hal ini kerana segala kajian mendalam, pengalaman yang luas serta fikrah seseorang mampu didapati kerana telah direkodkan melalui tekstual yang berupa buku.

Membaca sebuah kitab yang berisi kajian ilmiah mampu menyingkatkan masa seseorang dalam penerokaan ilmu secara eksperimental kerana hasil penyelidikan mahupun penemuan baru daripada penyelidikan mudah didapati dan digarap melalui pembacaan terhadap sesuatu karya berilmiah berimpak tinggi.

Maka tersangat pentinglah aktiviti membaca ini dalam meningkatkan kapasiti minda intelektual insani. Menurut ustaz Emang, membaca adalah suruhan pertama sekali di dalam al-Quran. Ini menandakan bahawa benda yang pertama sekali dibaca dan dikaji adalah al-Qur'an. Hal ini kerana al-Quran adalah kalamullah, kata-kata Allah yang qadim yang mengandungi kesemua ilmu-ilmu yang di atas muka bumi ini.

Al-Qur'an merupakan khazanah yang tidak ternilai kerana ia mengandungi prinsip, hukum-hakam, sejarah, ilmu politik, ekonomi, sosial, ketamadunan dan se-



KUPASAN KARYA ... Magnum Opus karya ilmunan perlu dikupas melalui neraca ilmu dengan syarahan yang berkesan.

bagainya yang sangat berguna kepada manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini.

Melalui kajian dan bacaan yang mendalam terhadap al-Quran, maka lahirnya karya Feqh Al-Akbar Imam Hanafi, kitab Muwatta' Imam Malik, kitab Al-Risalah Imam Syafie, serta kitab Musnad Imam Hanbali yang membentuk jalur syariat yang terpimpin.

Melalui kupasan yang mendalam terhadap al-Quran, maka lahirnya kitab Al-Ibanah Imam Al-Asyairah, kitab Al-Tamhid Imam Al-Baqilani, kitab Al-Irsyad Imam Al-Juwayni, kitab Ummul Barahin Imam Al-Sanusi yang membentuk jalur akidah yang absolut.

Melalui penelitian yang mendalam terhadap Al-Qur'an, maka lahirnya kitab Al-Rasail Imam Al-Junayd Al-Baghdadi, Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali, Futuhul Ghaib Imam Al-Jaylani serta Al-Rasail Imam Naqsyabandi yang membentuk landasan suluk yang bersyariat mencucikan jiwa insan.

Melalui penyelidikan yang mendalam terhadap al-Quran juga, maka lahirnya kitab Jawamik Al-Fikriyyah Filosofi Al-Kindi, kitab Qanun Fit Tib Pakar Perubatan Ibn Sina, Kitab Al-Hawi Kimiawi Al-Razi, kitab Al-Muqaddimah Ilmuwan

Al-Khaldun yang menginovasi ilmu Fizik-Kimia-Biologi dan Sains Politik-Ekonomi-Sosial yang telah membentuk ketamadunan umat Islam yang gilang-gemilang.

Menurut ustaz Abd Rahman yang juga merupakan president Al-Asyairah ASWJ Sandakan, Majlis Selawat Syabab Sobahi serta ahli persatuan Al-Azhari Sabah, menyatakan bahawa kita perlu menghadam ilmu daripada kitab-kitab tersebut kerana ia bersumberkan al-Quran. Melalui pembacaan karya besar tersebut, kita telah membentuk kosmos alam fikrah dalam minda kita yang bermanhajkan ulama' warisan nubuwwah.

Beliau yang juga merupakan graduan Usuluddin Universiti Al-Azhar, Mesir dalam pengkhususan Akidah dan Falsafah, Master Usuluddin UKM Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pengkhususan Akidah dan Keamanan Global, menyarankan agar pembacaan kitab-kitab besar ulama' tersebut serta karya magnum opus ilmuwan dunia dapat dikupas dan diteliti dengan lebih mendalam. Beliau memberi penekanan bahawa pembacaan terhadap kitab tersebut perlu kepada pakar, pembahas, dan pensyarah dalam bidang tersebut agar maksud sebenar difahami dan dihadam dengan baik.